

23 APR 2001

Mahathir-Umno

CADANGAN LARANG ORANG KAYA BERTANDING PENDAPAT SAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata cadangan melarang orang terlalu kaya bertanding merebut jawatan dalam Umno adalah pendapat beliau sendiri.

Perdana Menteri berkata perkara itu akan dibawa kepada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno.

"Ini pendapat saya, belum dipersetujui Majlis Tertinggi, saya harap dia (MT) setuju," katanya kepada pemberita selepas membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata cadangan itu bersifat umum dan bukannya untuk menyekat orang yang terlalu kaya menyertai Umno.

"Masuk Umno boleh, tapi tak payahlah bertanding, tak payahlah jadi ketua bahagian dan kita akan tentukan cara-cara supaya orang yang betul-betul ikhlas bertanding tidak tersekat kerana (disebabkan) mereka kaya," katanya.

Pada Sabtu lepas, ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno Kubang Pasu, Dr Mahathir berkata golongan terlalu kaya tidak akan dibenarkan bertanding merebut jawatan-jawatan penting dalam Umno sama ada di peringkat cawangan, bahagian mahupun MT.

Katanya, langkah itu bertujuan membendung amalan politik wang dalam parti.

Mengenai cadangan itu, Perdana Menteri hari ini berkata pihak-pihak yang terlalu kaya kelak yang menyertai Umno akan diminta untuk membuat kenyataan tentang harta mereka.

"Saya telah beritahu bahawa dia kena buat kenyataan tentang harta dia seperti juga menteri-menteri kena buat kenyataan.

"Kalau semasa dia bertanding tiba-tiba duit dia merosot, kita nak tahu pasal apa," katanya.

-- BERNAMA

MS HS MAI